



2026 Southeast Asia OSPAs

Event Partner



**SAFETY & SECURITY
ASIA**

Nominations Open!

**Outstanding Security
Performance Awards**



sea.theospas.com/enter



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD
UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ.
ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
DCP (K) HAJAH AINI SURAYA BINTI
DATUK OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ.
AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM
ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
DCP (K) ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU
BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K.
SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

**Pengerusi WP Kuala Lumpur &
Putrajaya**
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR.
KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD
RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD
NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN
DATUK ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2026(32)

17 OGOS 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-32/2026: JEMPUTAN MENYERTA 2026 SOUTHEAST ASIA OUTSTANDING SECURITY PERFORMANCE AWARDS (OSPAs)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti sedia maklum, PIKM telah dijemput buat kali ketiga pada tahun 2026 untuk menyertai 2026 Southeast Asia Outstanding Security Performance Awards (OSPAs) yang berpangkalan di United Kingdom sepertimana yang telah ahli-ahli PIKM sertai pada tahun 2023 dan 2024.

3. Sebagai makluman, OSPAs adalah program anugerah global bebas, yang kini telah dijalankan di 48 buah negara dan disokong oleh persatuan-persatuan keselamatan terkemuka dari seluruh rantau. OSPAs juga menyediakan platform anugerah berprestij dengan mengiktiraf syarikat, individu, produk dan inisiatif yang memberikan sumbangan, pencapaian dan berkongsi amalan baik industri dalam sektor keselamatan.

4. Terkini, OSPAs akan melancarkan 2026 Southeast Asia OSPAs buat kali keempat penganjuran bersempena majlis The Security Event Asia (TSEA 2026) di Sands Expo & Covention Centre, Singapura pada 10 November 2026. Lanjutan itu, perbincangan susulan telah diadakan bersama pihak OSPAs dan PIKM telah bersetuju untuk menjadi rakan kerjasama tanpa melibatkan sebarang kos di pihak persatuan dengan mempromosikan penyertaan ahli-ahli persatuan dalam anugerah OSPAs.

5. Sehubungan itu, PIKM mengalu-alukan penyertaan ahli-ahli PIKM untuk menghantar pencalonan secara percuma sempena penganjuran 2026 Southeast Asia OSPAs di Singapura bagi kategori seperti berikut:

- 5.1 Outstanding In-House Security Manager/Director
- 5.2 Outstanding Contract Security Manager/Director
- 5.3 Outstanding Security Team
- 5.4 Outstanding Contract Security Company (Guarding)
- 5.5 Outstanding Security Consultant

- 5.6 Outstanding Security Installer/Integrator
- 5.7 Outstanding New Security Product
- 5.8 Outstanding Security Officer
- 5.9 Outstanding Female Security Professional
- 5.10 Outstanding Young Security Professional
- 5.11 Outstanding Equality, Diversity and Inclusion Initiative
- 5.12 Outstanding Security Sustainability Award
- 5.13 Lifetime Achievement Award

6. Tarikh tutup pencalonan adalah pada 31 Ogos 2026 (Isnin). Berikut merupakan pautan-pautan penting berkaitan pencalonan 2026 Southeast Asia OSPAs Awards:

6.1 Penghantaran pencalonan: <https://sea.theospas.com/entry-form/>

6.2 Kategori dan kriteria: <https://sea.theospas.com/enter/>

6.3 Soalan lazim (FAQ): <https://sea.theospas.com/faq/>

7. PIKM turut dijemput oleh pihak penganjur untuk melantik Mejar (K) Datuk Mohammad Ubaidillah Bin Enam@Iman, selaku Presiden PIKM sebagai wakil bagi menyertai barisan panel hakim professional untuk menilai pencalonan 2026 Southeast Asia OSPAs pada tahun ini.

8. Pemenang akan diumumkan pada Majlis Penyampaian Anugerah 2026 Southeast Asia OSPAs yang akan diadakan pada 10 November 2026 (Selasa) di Sands Expo & Convention Centre, Singapura.

9. Barisan finalis tidak diwajibkan hadir ke majlis penyampaian anugerah. Walau bagaimanapun, jika Syarikat tersenarai sebagai finalis, pihak penganjur amat mengalu-alukan kehadiran wakil syarikat untuk hadir bagi menerima trofi OSPAs dengan kos sendiri.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT